

# Bersedia hadapi kemungkinan berlaku banjir besar 2007

**DALAM** sejarah Pantai Timur Semenanjung, banjir besar telah berlaku pada tahun 1927 yang dikenali di negeri Kelantan sebagai Bah Merah kerana dikatakan airnya berwarna merah dan meninggalkan kesan lumpur merah apabila surut. Air itu dikatakan datang dari hulu sungai dan dikatakan juga keluar dari bukit. Semua itu adalah cerita daripada orang tua-tua.

Pada 1967, banjir besar berlaku lagi di Kelantan khususnya dan beberapa negeri lain di Semenanjung iaitu selepas genap 40 tahun Bah Merah. Ia juga berlaku di Kuala Lumpur.

Ketika saya di sekolah rendah (1959) kisah banjir besar 1927 ada saya terbaca dalam buku Tangga Bacaan. Buku itu juga ada menyebut bahawa banjir besar pernah berlaku di Pantai Timur Semenanjung pada sekitar tahun 1880-an (1897?).

Melihat kepada rentetan tahun peristiwa banjir-banjir besar itu, tidak mungkin-

kah banjir besar akan melanda lagi Semenanjung Malaysia pada 2007? Andaian dibuat berdasarkan kepercayaan bahawa sememangnya ada satu tempoh pusingan masa banjir besar berlaku iaitu selang 40 tahun.

Melihat kepada banjir besar yang berlaku di seluruh dunia khususnya pada tahun-tahun kebelakangan ini nampaknya fenomena banjir besar setiap 40 tahun di Semenanjung Malaysia adalah tidak mustahil.

Saya dilahir dan dibesarkan di Kelantan dan sekarang menetap di Kuala Lumpur. Jadi tidak hairanlah jika perkara ini begitu menarik perhatian saya. Sebagai penghuni Kuala Lumpur, saya menjadi bertambah gusar melihat kepada banjir-banjir kilat yang sering berlaku di ibu negara akhir-akhir ini. Saya difahamkan salah satu puncanya ialah pembinaan terowong SMART yang sedang berjalan pada masa

ini sedikit sebanyak telah mengganggu kelancaran perjalanan air hujan ke kuala sungai.

Saya difahamkan juga bahawa apabila siap sahaja terowong SMART ini maka kisah-kisah banjir kilat di Kuala Lumpur ini akan hanya menjadi suatu sejarah.

Dengan itu saya amat berharap terowong SMART akan benar-benar dapat disiapkan mengikut jadual kerana jika banjir besar melanda Kuala Lumpur pada 2007 sedangkan terowong itu belum siap, maka akibatnya lebih buruk.

Bukan sahaja menyusahkan penduduk Kuala Lumpur, malah akan merosakkan banyak harta benda dan mungkin meporak-perandakan projek Terowong SMART itu sendiri.

Begitu juga dengan negeri Kelantan. Beberapa hari lalu saya lihat di televisyen bahawa Sungai Kelantan tercemar dan terbiar. Cemar dan cetek akibat pembala-

kan dan pembinaan beberapa projek di sepanjang tebingnya. Kerajaan negeri Kelantan wajar memberi perhatian kepada fenomena ini.

Sewaktu saya kecil dahulu saya diberitahu bahawa apabila berlaku banjir besar berpanjangan di Kelantan (hampir seminggu) maka pihak kerajaan akan 'memecahkan muka kuala' supaya air mengalir ke laut dengan cepat dan menyelesaikan masalah banjir berpanjangan itu.

Apa yang saya fahami ialah kuala Sungai Kelantan perlu dielakkan daripada menjadi cetek. Jika sungai itu terlalu berliku-liku di kualanya, maka ia perlu diluruskan supaya air cepat mengalir ke laut. Mestikah kita menunggu banjir besar berlaku baru kita hendak 'pecahkan muka kuala'nya?

**- AB. HALIM DAUD,  
Gombak.**